

# ورتا فنرغن Warta Penerangan



FEBRUARI 2020







منجايکن واوسن نگارا

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

23 FEBRUARI 2020

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان  
نگارا بروني دارالسلام ك-٣٦، تاهون ٢٠٢٠

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-36, TAHUN 2020

**MENJAYAKAN  
WAWASAN NEGARA**

BERTEMPAT : TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
29 JAMADILAKHIR 1441H / 23 FEBRUARI 2020M



36



Diterbitkan oleh  
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



## Isi Kandungan

## Muka

Program Sua Muka barigakan maklumat semasa	5
Jalankan tanggungjawab sebagai rakyat	6
Dalami tugas-tugas penterjemahan	7
Peserta PSLI terima sijil	8
Lepasan ijazah bakal pemimpin, penerus survival bangsa	9
Hulur bantuan pada golongan memerlukan	10
Mengenali erti kerja berpasukan	11
Belia berperanan jayakan Wawasan Brunei 2035	12
Dedahkan inisiatif EODB	12 - 13
Tinjau hasil produk MPK Temburong	13 - 14
Lawatan beri banyak pengetahuan berguna	14 - 15
Penerus legasi pemimpin masa kini	15
Membangun negara berlandaskan MIB	16
PMB salurkan maklumat jelas	16 - 17
Tanamkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar	17
Semai semangat cintakan negara	18
Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif	18 - 19
Semai semangat patriotik dalam kalangan pelajar	19
Pelajar Ma'had Islam hadiri Taklimat Kenegaraan	20
Kukuhkan semangat kenegaraan	20 - 21
Kenalkan ASEAN kepada penuntut	21
Didik pelajar menghormati bendera negara	22
Tingkatkan semangat patriotik pelajar	22
Hayati peranan utama penubuhan ASEAN	23
Semarakkan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36	23
Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei	24
Tingkatkan kefahaman, kesedaran orang ramai penggunaan bendera negara, kain rentang dan bahan-bahan kepentingan negara	25

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.



## Program Sua Muka barigakan maklumat semasa

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap pada Program Sua Muka bagi Kampung Selapon.*

**T**EMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Program Sua Muka yang dikelola oleh Jabatan Penerangan bagi sesi 2018-2019 mengumpulkan kira-kira 50 isu yang diketengahkan ke beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Selain itu, program berkenaan mengongsikan data isu bagi sesi 2017/2018 iaitu sebanyak 195 (98 peratus) isu telah diselesaikan daripada 199 isu yang telah diterima.

Berlangsung di Balai Raya Kampung Selapon, rombongan Jabatan Penerangan diwakili oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang berkesempatan mengetahui pelbagai isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh para penduduk kampung tersebut.

Isu-isu yang disuarakan antaranya berkaitan mengenai penyediaan prasarana, kemudahan awam, aktiviti perekonomian dan hal-hal lain.



*GAMBAR ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan pada Program Sua Muka.*

Awang Mawardi juga menekankan para penduduk kampung untuk mengamalkan kerja gotong-royong dan sentiasa mengekalkan kebersihan alam sekitar.

Beliau juga menggariskan beberapa kesalahan dalam tatacara dan penyalahgunaan bendera kebangsaan serta perkara berkaitan penyebaran maklumat palsu.

Salah seorang ahli Majlis Perundingan Kampung, Pitrus bin Apoi menyambut baik inisiatif program anjuran Jabatan Penerangan sebagai platform bagi para penduduk dalam menyuarakan segala permasalahan yang dihadapi.

Para penduduk juga dibarigakan mengenai Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN' serta tatacara memuat turun

aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS serta maklumat yang boleh diperolehi melalui *e-Paper* serta bahan-bahan terbitan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Jabatan Penerangan melalui laman sesawang jabatan.

Program itu dilaksanakan lima ke enam kali dalam sebulan dan 60 kali pada satu tahun bagi Daerah Brunei dan Muara. Manakala bagi Daerah Belait sebanyak 11 kali setahun, Daerah Tutong enam kali setahun dan Daerah Temburong sebanyak lima kali setahun.

Semua isu yang diterima akan disampaikan kepada agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan untuk makluman dan tindakan mereka masing-masing.

## Jalankan tanggungjawab sebagai rakyat

Oleh: Noraisah Haji Muhammed  
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.

**B**ELAIT, Selasa, 4 Februari. - Selaku rakyat, kita perlu menjalankan tanggungjawab terhadap negara dan pemerintahan dengan sentiasa menunjukkan taat setia kepada Raja, menghormati dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang serta pemerintahan negara, mendukung falsafah Melayu Islam Beraja dan mendukung matlamat dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Semasa berucap pada Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Kampung Pandan 'B' Mukim Kuala Belait, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan berkata Jabatan Penerangan berhasrat untuk menyuntik semangat para peserta untuk meningkatkan lagi peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat demi menjaga dan memelihara keamanan dan keharmonian negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Mukim Kuala Belait ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan semasa berucap pada Majlis Pembukaan PMB.

Program anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri disertai oleh 40 peserta diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Morney bin Amat.

Antara tujuan program yang dilaksanakan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait ini ialah untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.



## Dalami tugas-tugas penterjemahan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**P**ARA peserta yang menghadiri Bengkel Penterjemahan kelolaan Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada 20 Februari 2020 telah menerima sijil masing-masing setelah menamatkan bengkel secara dalaman selama dua hari dalam dua kumpulan iaitu 5 dan 8 Februari 2020.

Penyampaian sijil yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Bengkel berkenaan memberikan penekanan terhadap tugas dan tanggungjawab para pegawai yang bertugas di bidang pemberitaan, penyuntingan, penyemakan dan penterjemahan dalam sama-sama memastikan hasil terjemahan bahan-bahah berita dan rencana adalah betul, menepati maksud dan mudah difahami.

Berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Bangunan Asal Jabatan Penerangan, bengkel dikendalikan oleh Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, KKBS, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moxsin.

Bengkel dihadiri oleh seramai 27 peserta terdiri daripada para pegawai di Bahagian Pelita Brunei dan kumpulan Penterjemah daripada Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai prosedur betul dalam tugas-tugas penterjemahan dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu selain mengetahui secara teori dan praktikal tugas dalam menterjemah.

Dengan adanya Bengkel Penterjemahan ini, para peserta diharap dapat mengaplikasi ilmu yang diperolehi ke dalam tugas seharian.



GAMBAR ramai Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama para peserta yang mengikuti Bengkel Penterjemahan.

## Peserta PSLI terima sijil

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali

**T**EMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 diteruskan lagi bagi hari keenam, iaitu hari terakhir program diadakan.

Setelah menjalani pelbagai perisian program termasuklah beberapa siri aktiviti, lawatan dan ceramah, Program Perkampungan Sivik menutup tirainya malam ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada 15 peserta Program PSLI Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Resthouse Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan selaku Penasihat Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Timbalan Pengerusi Program, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan doa selamat yang diketuai oleh Muhammad Qutbul Islam bin Haji Suhaimi.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Ketua Peserta Program PSLI Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020, Nurhasif bin Mohamed Hussaini dan diikuti pula dengan penyampaian sijil kepada



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Penasihat Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program.*

para peserta program daripada Pemangku Pengarah Penerangan selaku Penasihat Program PSLI Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020.

Peserta PSLI merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan survival bangsa dan negara. Sejalan dengan perkembangan, mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara agar nanti dapat mengimbangi pengetahuan akademik dan peluang pekerjaan yang lebih mencabar.

Program ini akan menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta khususnya lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan mempersiapkan diri sebagai



*UCAPAN daripada Ketua Peserta Program, Nurhasif bin Mohamed Hussaini.*

generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.



## Lepasan ijazah bakal pemimpin, penerus survival bangsa

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan survival bangsa dan negara.

Sejajar dengan perkembangan semasa, mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara agar nanti dapat mengimbangi pengetahuan akademik dan peluang pekerjaan yang lebih mencabar.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Pertama bagi tahun 2020 yang bermula 8 hingga 14 Februari 2020.

Seramai 15 peserta terdiri lima lelaki dan 10 perempuan dari Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, International Graduate Studies College Brunei, Universiti Marmara dan Universiti Al-Azhar

menyertai program selama enam hari di Daerah Temburong.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku tetamu kehormat dalam ucapannya menjelaskan program ini akan menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta khususnya lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

Tegasnya, segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang perkampungan sivik ini hendaklah digunakan sepenuhnya untuk menjadi *'the best among the best'*, terbaik dalam kalangan yang terbaik.

“Zaman sekarang sudah berubah. Pada masa ini bukan lagi seperti dahulu di mana apabila sahaja kita tamat pengajian dan mendapat ijazah, kita akan mudah sahaja mendapat pekerjaan. Namun demikian, apa yang penting bagi



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini semasa berucap selaku tetamu kehormat.*

setiap peserta adalah sentiasa berperanan dalam mendukung matlamat dan aspirasi negara dengan cara memberikan sumbangan-sumbangan positif dan melibatkan diri secara langsung apatah lagi sebagai seorang yang lebih intelektual, berfikiran matang dan menjadi model insan dalam menjalani kehidupan seharian,” jelasnya.

Majlis diteruskan dengan taklimat mengenai Program Perkampungan Sivik yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.



*GAMBAR ramai peserta yang mengikuti Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Pertama bagi tahun 2020.*



## Hulur bantuan pada golongan memerlukan

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

**T**EMBURONG, Rabu, 12 Februari. - Menghulurkan bantuan dan sumbangan terhadap golongan yang memerlukan menjadi salah satu misi Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020.

Para peserta Program Perkampungan Sivik hari ini menyerahkan sumbangan derma kepada mereka yang memerlukan iaitu Dayang Noridah binti Haji Hamzah yang tinggal di No. 29, Spg. 744, Kampung Sibulu, Jalan Pendaruan Temada dan Zhamaliyah binti Md. Yusuf yang tinggal di No. 578, Spg. 600, Kampung Rataie, Jalan Pendaruan Temada.



*PESERTA program juga didedahkan dengan kerja-kerja amal termasuk menghulurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan.*



*MELAKUKAN kerja amal membersihkan Tanah Perkuburan Islam Semamang, Pekan Bangar antara aktiviti yang dikendalikan.*

Sumbangan berbentuk kewangan, barangan keperluan asasi dan juga barang-barang bantuan tersebut dilakukan oleh para peserta program perkampungan.

Turut menyertai misi tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Para peserta seterusnya melakukan aktiviti membersihkan tanah perkuburan bertempat di Tanah Perkuburan Islam Semamang, Pekan Bangar, Daerah Temburong dan seterusnya membaca tahlil beramai-ramai.



*GAMBAR ramai peserta Program Perkampungan Sivik semasa mengendalikan Majlis Penyerahan Sumbangan Derma kepada golongan yang memerlukan bantuan.*



## Mengenali erti kerja berpasukan

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali

**T**EMBURONG, Ahad, 9 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri kali ini diadakan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Daerah Temburong.

Seramai 15 peserta iaitu lima lelaki dan sepuluh perempuan yang terdiri daripada lulusan ijazah Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, Universiti Marmara dan Institusi Pendidikan Tinggi yang lain menghadiri program yang diadakan selama enam hari bermula 8 hingga 13 Februari 2020.

Program Perkampungan Sivik kali ini mengandungi beberapa siri aktiviti, lawatan serta ceramah yang bermanfaat dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman berkaitan dalam proses mencari pekerjaan serta memberi kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal ehwal negara dan juga kerajaan.

Sesi ke-4 dan ke-5 di hari kedua diteruskan lagi di OBBD di mana para peserta mengikuti program 'Ice breaking' iaitu sesi suai kenal sesama peserta serta mengikuti pelbagai aktiviti termasuk keselamatan, Washing Machine, Trust and Fall, Flying Fox dan Team Building.

Program hari ini secara tidak langsung memupuk sifat kepimpinan dan meningkatkan semangat kerja berpasukan serta mengeratkan hubungan silaturahim melalui aktiviti-aktiviti berpasukan.

Salah seorang peserta program tersebut iaitu Muhammad Qutbul Islam bin Haji Suhaimi, Lulusan Ijazah daripada Universiti Teknologi Brunei menyambut baik program tersebut kerana mereka berpeluang menikmati udara hutan yang segar dan pemandangan yang menyeronokkan, di samping mengikuti aktiviti yang disediakan oleh jurulatih OBBD yang mengajar mereka erti kerja berpasukan dan percaya dengan rakan sekumpulan.

Sementara itu salah seorang peserta perempuan, Nurmunira Naqiyyah binti Syafiee, Lulusan Ijazah daripada Universiti Brunei Darussalam berkata menerusi program tersebut mereka dapat berkenalan



*PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lulusan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 mendengarkan penerangan sebelum meneruskan aktiviti yang diaturkan.*



*ANTARA aktiviti yang diikuti oleh para peserta program.*



*MUHAMMAD Qutbul Islam bin Haji Suhaimi, lulusan ijazah daripada Universiti Teknologi Brunei.*



*NURMUNIRA Naqiyyah binti Syafiee, lulusan ijazah daripada Universiti Brunei Darussalam.*

sesama peserta program.

Mereka juga berpeluang berkongsi ilmu dan bertukar-tukar pendapat di mana melalui aktiviti yang diadakan, ia memberi kepercayaan kepada diri sendiri supaya lebih yakin dan dapat menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.



## Belia berperanan jayakan Wawasan Brunei 2035

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**T**EMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Belia berperanan untuk menyumbang kepada menjayakan Wawasan Brunei 2035 yang mempunyai tiga matlamat utama iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti hidup yang tinggi, serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Beberapa contoh yang boleh disumbangkan oleh belia dikongsikan oleh wakil Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Amalina binti Haji Awang Tengah dalam taklimat mengenai pembarigaan wawasan tersebut untuk peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) di Pusat Belia, Bangar.

Antara contoh tersebut ialah mempelajari pelbagai



WAKIL Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Amalina binti Haji Awang Tengah menyampaikan taklimatnya.

bidang dan kemahiran, mengamalkan gaya hidup sihat, membantu ibu bapa, orang tua dan jiran-jiran, aktif dan melibatkan diri dalam NGOs, jimat dalam penggunaan air dan elektrik serta memastikan alam sekitar terjaga.

Selain itu, dengan menyokong dan membeli produk tempatan, mengamalkan budaya menyimpan wang (*savings*) dan mengurus perbelanjaan dengan bijak dapat meningkatkan aktiviti ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan.

Namun, juga diingatkan dalam mengejar wawasan tersebut supaya kita tidak lupa dengan nilai-nilai teras Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam.



PESERTA Perkampungan Sivik Lepas Ijazah berpeluang mengajukan pertanyaan kepada wakil-wakil agensi yang diundang menyampaikan taklimat pada program tersebut.

## Dedahkan inisiatif EODB

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**T**EMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Kali Pertama tahun 2020 didedahkan kepada inisiatif Ease of Doing Business (EODB) sebagai salah satu pengisian program perkampungan tersebut.

Jawatankuasa Pandu EODB diperkenankan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Mac 2011 bagi tujuan memudah cara bisnes di negara ini dan juga untuk meningkatkan kedudukan negara dalam indeks pencapaian EODB Bank Dunia.



WAKIL Sekretariat Ease of Doing Business (EODB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Khairah Za'imah binti Haji Mohd. Marzuki mengongsikan fungsi-fungsi utama EODB.





PARA peserta Perkampungan Sivik semasa mendengarkan taklimat yang diadakan di Pusat Belia, Bangar Temburong.

Dalam taklimat mengenainya, wakil Sekretariat EODB, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Khairah Za'imah binti Haji Mohd. Marzuki mengongsikan fungsi-fungsi utama EODB serta

matlamat-matlamat yang perlu dicapai dalam mempermudah permulaan perniagaan di negara ini, daripada peringkat perniagaan mikro, kecil dan sederhana sehingga ke peringkat pelabur asing.

Beliau juga mengongsikan portal businessBN di laman sesawang [www.business.gov.bn](http://www.business.gov.bn) yang merupakan perkhidmatan seluruh kerajaan yang bertujuan untuk menyediakan maklumat penting kepada para peniaga dan orang ramai mengenai perkhidmatan kerajaan dan pembaharuan berkaitan dengan perniagaan di Brunei Darussalam.

Para peserta juga berkesempatan mengajukan beberapa soalan kepada pegawai pemberi taklimat untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai EODB.

## Tinjau hasil produk MPK Temburong

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman

**T**EMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Pelbagai program disediakan untuk mempersiapkan belia negara mengharungi cabaran masa depan sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

Sehubungan itu, para peserta perkampungan sivik lepasan ijazah yang menyertai perkampungan tersebut di Daerah Temburong diarturkan untuk membuat lawatan ke beberapa buah kampung bagi mengenal dan mempelajari lebih dekat produk-produk keluaran Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang dilawati.

Lawatan dimulakan di MPK Senukoh, Mukim Labu yang mengeluarkan produk mi kuning sejak November 2008 dan mi kering sejak April 2010 yang dikendalikan oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Senukoh secara tetap.

Penerangan mengenai projek pembuatan mi terdahulu disampaikan oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin yang mengongsikan sejarah awal projek perekonomian yang berkonsepkan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) tersebut.

Para peserta berkesempatan menyaksikan proses penggaulan bahan-bahan mentah sehingga proses memasak dan pembungkusan di lokasi pembuatan mi yang dilengkapi dengan mesin-mesin bantuan dari kerajaan.



PROSES awal pembuatan ambulung daripada batang pohon rumbia sebagai makanan kegemaran tradisi tempatan hasil keluaran MPK Batu Apoi (atas dan bawah).



Lawatan seterusnya ialah ke kilang pemprosesan ambulung yang terletak di tebing Sungai Batu Apoi yang merupakan produk 1K1P MPK Batu Apoi sejak tahun 2008.



Pengerusi MPK Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri dan pekerja-pekerja terdiri daripada belia dan beliawanis kampung menunjukkan proses pembuatan dari memotong pohon rumbia, pengisaran dan penapisan air yang mengandungi sagu rumbia sebelum dimendapkan dan dibersihkan untuk proses pengeringan dan pembungkusan ambulung.

Lawatan diteruskan kemudiannya ke tempat proses pembuatan karipap mini. Di sini para peserta diberi pendedahan kepada proses pembuatan karipap mini yang dihasilkan oleh MPK Menengah bertempat di balai raya kampung berkenaan.

Pemangku Ketua Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir mengalualukan rombongan peserta dan mengongsikan sejarah awal pemilihan karipap sebagai produk IK1P.

Peserta kursus juga berpeluang membuat karipap mini dengan tunjuk ajar daripada ahli-ahli Biro Wanita MPK yang hadir.

Melalui pendedahan-pendedahan begini, setiap peserta sentiasa berperanan dalam mendukung matlamat dan aspirasi dengan cara memberikan sumbangan-sumbangan positif dan melibatkan diri secara langsung apatah lagi sebagai seorang yang lebih intelektual, berfikiran matang dan menjadi model insan dalam menjalani kehidupan seharian.



*AHLI Biro Wanita MPK Senukoh menunjukkan cara-cara pemprosesan mi kuning.*



*INI pula ialah proses pembuatan karipap mini yang dihasilkan oleh MPK Menengah bertempat di balai raya kampung berkenaan.*

## Lawatan beri banyak pengetahuan berguna

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali

**T**EMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 di hari keenam diteruskan dengan membuat lawatan ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei Cawangan Daerah Temburong yang terletak di Pekan Bangar daerah tersebut berhampiran tempat tinggal peserta iaitu di Pusat Belia Cawangan Temburong.

Di sini, peserta program mendengarkan penerangan daripada pihak Jabatan Radio Televisyen Brunei dan berkesempatan berkunjung ke Studio Radio dan Studio Rampai Pagi sebelum melawat Jambatan Daerah Temburong menuju ke Daerah Brunei dan Muara yang terletak di Kampung Labu Estate, Temburong.



*PARA peserta program mendengarkan penerangan semasa melawat ke salah sebuah studio di cawangan RTB di daerah ini.*

sebanyak menambah pengetahuan selain memperoleh pengalaman yang baginya sangat menyenangkan.

Sementara, Muna Fathiah binti Haji Mohd. Don, lepasan ijazah daripada Universiti Brunei Darussalam juga menyifatkan program sangat menyenangkan di samping memberikan suatu pengalaman yang berguna.



*SEMASA lawatan ke cawangan Jabatan Penerangan, para peserta diberikan penerangan mengenai projector, alat yang pernah digunakan sekitar tahun 80-an untuk menayangkan filem-filem lama.*

Para peserta diberikan taklimat mengenai proses pembinaan jambatan dan kemudian dibawa melawat ke Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong yang terletak di Bangunan Jabatan Daerah Temburong.

Peserta program, Meisur bin Hamid, lepasan ijazah daripada Universiti Teknologi Brunei ketika ditemui berkata dengan adanya seumpama ini ia sedikit



*MEISUR bin Hamid, lepasan ijazah Universiti Teknologi Brunei.*



*MUNA Fatihah binti Haji Mohd. Don, lepasan ijazah Universiti Brunei Darussalam.*

## Penerus legasi pemimpin masa kini

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali

**T**EMBURONG, Rabu, 12 Februari. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi tahun 2020 di hari kelima diteruskan dengan Ceramah Motivasi daripada Mejar (B) Rusli bin Bujang di Pusat Belia, Daerah Temburong.

Ini diikuti dengan Forum Belia yang disampaikan oleh Pengasas Bersama Generasi Bekarib, Muhammad Hanis bin Haji Osman dan Guru Pusat Tingkatan Enam Tutong dan juga panel, Nurul Hadina binti Haji Alias yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang



*SESI perkongsian melalui Forum Belia bersama ahli-ahli panel, Pengasas Bersama Generasi Bekarib, Muhammad Hanis bin Haji Osman dan Guru Pusat Tingkatan Enam Tutong, Nurul Hadina binti Haji Alias.*

Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya bertempat di Stoneville Hotel, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Para peserta juga diberi perkongsian pengalaman dan tip untuk meneruskan perjuangan kehidupan selepas menamatkan pelajaran di universiti masing-masing, supaya para belia tidak hanya mengharapkan peluang pekerjaan daripada kerajaan dan mula melakukan sesuatu untuk menjana ekonomi seperti perniagaan.

Pengasas Bersama dan juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif Generasi Bekarib, Muhammad Hanis, ketika ditemui menaruh harapan supaya para peserta program dapat memanfaatkan ilmu diperolehi dan berharap mereka akan menjadi pemimpin muda belia yang akan menjadi penerus legasi akan datang.



*PARA peserta program dalam sesi perkongsian bersama ahli-ahli panel yang diundang.*



## Membangun negara berlandaskan MIB

Berita dan Foto: Hernie Suliana Haji Othman



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menyampaikan taklimatnya kepada para peserta program.



ANTARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah semasa hadir mendengarkan taklimat.

**TEMBURONG, Isnin, 10 Februari.** - Peserta Program Perkampungan Sivik Lepas Ijazah diperingatkan tentang tanggungjawab masing-masing dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam dengan sentiasa mematuhi pemerintah dan undang-undang negara, tanpa mengabaikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi lambang identiti rakyat negara ini.

Perkara tersebut merupakan antara pengisian taklimat bertajuk “Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Kepada Negara” yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Terdahulu, beliau memetik kata-kata hikmat bekas Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy yang

berkata “Jangan tanya apa yang negara patut buat kepada kamu (rakyat), tetapi tanya diri sendiri apa yang patut kamu buat kepada negara.”

Oleh itu, beliau bertanggungjawab untuk taat setia kepada Raja, menghormati dan mematuhi perlembagaan dan pelbagai undang-undang negara, mendaulatkan sistem pemerintahan beraja, mengiktiraf dan menghormati bahasa Melayu dan agama Islam, dan mendukung falsafah MIB dan Wawasan Brunei 2035 serta mewujudkan perasaan cinta dan setia kepada negara.

Perkampungan Sivik Kali Pertama tahun 2020 ini menerima seramai 15 penyertaan terdiri daripada lepasan ijazah dari dalam dan luar negara yang menjalani perkampungan di Pusat Belia, Bangar, Temburong.

## PMB salurkan maklumat jelas

Oleh: Noraisah Haji Muhammed  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Februari.** - Seramai 40 peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Pandan ‘B’, Awang Morney bin Amat diberi pendedahan mengenai ‘Kefahaman Ajaran Sesat dan Cara Menghindarinya’ yang disampaikan oleh Bahagian Penguatkuasaan Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Taklimat diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Penolong Pegawai Ugama, Awang Abdul Kadir bin Abdul Rahman dalam taklimatnya turut menyentuh mengenai Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan berasaskan mazhab Ahli Sunah Waljamaah mengikut pendekatan al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah dalam bidang usuluddin dan mazhab Imam Al-Shafi’e dalam bidang syari’ah.

Pemangku Ketua Kampung Pandan ‘B’, Awang Morney ketika ditemui berkata taklimat yang disampaikan sangat bermanfaat serta memberi





*PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat bagi Kampung Pandan 'B', Mukim Kuala Belait semasa membuat lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.*

maklumat yang jelas untuk diterapkan dalam menangani sebarang permasalahan yang bakal dihadapi oleh anak buah kampung.

Sementara itu, taklimat kedua bertajuk 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri' disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awangku Mohd. Noor Hamadi bin Pengiran Ahmad.

Seorang lagi peserta yang ditemui, Hajah Siti Aisah binti Haji Syukur berkata melalui penerangan yang jelas, mereka beroleh pengetahuan mengenai terasul dan bahasa pengganti diri yang sebelum ini tidak diketahuinya.

PMB sehari suntuk itu diakhiri dengan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kota Batu.



*PEMANGKU Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Morney dan Hajah Siti Aisah binti Haji Syukur ketika ditemu bual.*

## Tanamkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Chung Hwa.

Seramai 144 pelajar dari Tahun 7 telah menghadiri taklimat tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Dalam taklimatnya, beliau antara

lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Taklimat yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan turut

memberikan peluang kepada para pelajar untuk menyaksikan tayangan klip video yang bertajuk 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi mengenai tatacara menaikkan bendera negara dengan betul.



*PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menyampaikan taklimatnya (kiri) sementara gambar kanan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa yang hadir mendengarkan taklimat.*

## Semai semangat cintakan negara

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Seramai 134 penuntut Tahun 7 dan tenaga-tenaga pengajar Sekolah Menengah Berakas (SMB) telah berpeluang mendengarkan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.



PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Berakas.

Taklimat berkenaan adalah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan

Raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Berlangsung di Dewan SMB, taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan,

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

## Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Februari. - Dalam usaha menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Program bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif selain sebagai usaha mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.



PROGRAM diisikan dengan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.



Program dihadiri oleh Pengetua STPRI, Tutty Hyrneeita binti Haji Abd. Latip, tenaga pengajar dan juga 331 penuntut Tahun 9 dan 10.

Antara perisian program ialah Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Majlis juga diserikan dengan persembahan tarian "Medley Aduk-Aduk dan Cok Kerapang", nyanyian solo dari Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim dan juga hiburan lawak jenaka daripada artis tempatan, Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh yang juga mengendalikan Kuiz Kenegaraan.



PENGETUA STPRI, Tutty Hyrneeita binti Haji Abd. Latip menyampaikan ucapannya.



GAMBAR ramai Pengetua STPRI, Tutty Hyrneeita binti Haji Abd. Latip bersama tenaga pengajar dan para pelajar Tahun 9 dan 10 pada Program Rakan Remaja Penerangan.

## Semai semangat patriotik dalam kalangan pelajar

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG, Selasa, 18 Februari.** - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH).

Seramai 111 pelajar telah menghadiri taklimat tersebut yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Ketua Cawangan Penerangan



TAKLIMAT disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Daerah Tutong.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Mengibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan

Sultan' dengan terperinci.

Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan SMMH, Tutong itu turut dihadiri oleh penuntut-penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan dan beberapa orang tenaga pengajar.

## Pelajar Ma'had Islam hadiri Taklimat Kenegaraan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**T**UTONG, Khamis, 6 Februari. - Dalam usaha untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi khususnya dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera negara dan lagu kebangsaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Ma'had Islam Brunei.

Taklimat yang berlangsung di Dewan Ma'had Islam Brunei itu disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin



*GAMBAR ramai Pengetua Sekolah Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin bersama para pelajar Tahun 7, beberapa orang tenaga pengajar serta para pegawai yang terlibat mengendalikan program tersebut.*

selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Turut hadir, Pengetua sekolah

tersebut, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliuddin bersama 38 pelajar Tahun 7 sekolah tersebut serta beberapa orang tenaga pengajar.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan juga negara khususnya di dalam diri setiap pelajar.

## Kukuhkan semangat kenegaraan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Sukan Kampung Pulaie.

Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris dihadiri oleh tenaga-tenaga pengajar bersama 40 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.



*SEBAHAGIAN pelajar Tahun 7 mendengarkan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.*



Dalam taklimat tersebut, antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

## Kenalkan ASEAN kepada penuntut

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Februari. - Sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Menglait, Gadong.

Ia juga antara lain bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Jerayawara dihadiri oleh Pengetua sekolah berkenaan, Awang Osman bin Rajab, tenaga pengajar dan juga 297 penuntut sekolah tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Ini merupakan salah satu usaha untuk membarigakan serta



PARA penuntut menjawab soalan kuiz ASEAN yang diajukan.



PELAJAR-PELAJAR Sekolah Menengah Menglait semasa menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.

membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Selain itu, program juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN di samping mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

## Didik pelajar menghormati bendera negara

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**K**UALA BELAIT, Sabtu, 22 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bagi Sekolah St. John, Kuala Belait.

Program yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah St. John, dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pentadbiran sekolah berkenaan dan juga Pengetua Sekolah, Dr. Teng Keng Watt, para tenaga pengajar bersama 126 pelajar Tahun 7, 9 dan 10.

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan juga lagu Patriotik 'Bendera Negara', memulakan program berkenaan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa selamat.

Antara pengisian program termasuklah tayangan klip video 'InfoDept' Jabatan Penerangan 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah' diikuti dengan Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam', yang disampaikan oleh Penolong



*PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Liyana binti Haji Suhaimi selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait menyampaikan taklimat mengenai bendera negara.*

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Liyana binti Haji Suhaimi selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Program juga diselitkan dengan persembahan nyanyian, koir, lawak jenaka sementara penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pentadbiran sekolah berkenaan.

Antara tujuan Program RRP diadakan ialah untuk menyebarkan maklumat dan kegiatan semasa di samping mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja.

## Tingkatkan semangat patriotik pelajar

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan kali ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah Arab Rimba.

Program dihadiri oleh seramai 200 penuntut Tahun 7 dan juga tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai rasa cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara; di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.



*PARA pelajar Sekolah Arab Rimba semasa mendengar taklimat daripada Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.*

Antara pengisian program ialah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.



## Hayati peranan utama penubuhan ASEAN

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Ak. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, Februari. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Seramai 890 pelajar menghadiri jerayawara yang berlangsung di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Turut hadir, Pengetua Sekolah, Dayang Susilawati binti Dato Paduka Haji Muhammad dan beberapa orang tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama, ia juga berperanan dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya untuk pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam.



PELAJAR-PELAJAR Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Antara tujuan taklimat ialah untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini selain sebagai usaha ke arah menanamkan kesedaran dan rasa milik sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).

## Semarakkan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan

**N**EGARA Brunei Darussalam terus mengecapi keamanan, keharmonian dan kesejahteraan di bawah pimpinan seorang Raja yang bijaksana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu pada 23 Februari 2020, seperti lazimnya diadakan acara kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Justeru itu, bagi sama-sama mengongsikan semangat patriotik dan memeriahkan sambutan berkenaan



WARGA Jabatan Penerangan bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini (berdiri tiga kanan) semasa menyertai Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36.

warga Jabatan Penerangan setiap tahun juga tidak ketinggalan untuk melibatkan diri menyemarakkan sambutan itu.



## Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

Oleh: Unit Penerbitan Melayu  
Foto: Jabatan Penerangan

**S**EKSYEN Kandungan Khas (SKK), Bahagian Pelita Brunei merupakan seksyen yang bertanggungjawab dalam menerbitkan rencana-rencana yang berkaitan dengan imej Raja dan negara serta masyarakat di negara ini.

Seramai tujuh orang pegawai dan kakitangan di bawah SKK ini dengan masing-masing mempunyai ruang kendalian yang telah ditetapkan.

Antara ruangan yang termasuk dalam SKK ialah Ruang Iklan yang memuatkan iklan-iklan jawatan kosong, tawaran-tawaran sebut harga, permakluman dan poster daripada sektor kerajaan.

SKK juga menerbitkan rencana khas bagi majlis-majlis sambutan peringkat kebangsaan termasuk inisiatif-inisiatif kerajaan dan juga menerbitkan sisipan khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah




Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan majlis kebesaran adat istiadat negara.

Kebanyakan ruang di bawah SKK ini juga menjurus kepada penglibatan orang ramai khususnya para belia seperti ruang Belia Berwawasan, Kenali Bahasa Brunei, Lensa Pelajar dan Alai Pintar.

Ruang Belia Berwawasan merupakan ruang yang menonjolkan personaliti belia-belia yang mempunyai wawasan ke arah membantu mengembangmajukan negara melalui aktiviti dan perusahaan yang diceburi dan juga kejayaan yang dicapai oleh para belia.

Manakala ruang Kenali Negara Kitani (KNK), Industri Kotej, Destinasi Pelancongan, Ristaan, Apa Pendapat Biskita, Tahukah Awda dan Infoteknologi merupakan sebahagian lagi yang terkandung dalam SKK.

Industri Kotej pula memaparkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diusahakan oleh peniaga belia terutama yang belum bekerja dan menambah pendapatan sampingan bagi yang bekerja seperti menghasilkan pelbagai produk seperti hasil kerja tangan, pemakanan, kecantikan pembuatan kek dan lain-lain dengan hasil kreativiti masing-masing.





## Tingkatkan kefahaman, kesedaran orang ramai penggunaan bendera negara, kain rentang dan bahan-bahan kepentingan negara

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

Foto: Jabatan Penerangan / Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

**U**NTUK meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan bendera negara, kain rentang dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan negara, Unit Kenegaraan melaksanakan jerayawara berkenaan sebagai salah satu tugas dan tanggungjawab pada menanamkan sikap orang ramai untuk menghormati dan melindungi integriti bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam di setiap masa.

Unit Kenegaraan juga bertanggungjawab dalam menjaga imej Raja, lagu Kebangsaan dan bendera negara daripada dicuakan dan digunakan sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dengan menyasarkan pengurus-pengurus syarikat perniagaan di Negara Brunei Darussalam, jerayawara ini dilaksanakan sebanyak empat kali setahun sejak 2018.

Antara isi kandungan taklimat menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan bendera negara, kain rentang dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional; selain bagi menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, Raja

dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi, cintakan Raja, lagu Kebangsaan dan bendera negara.

### Penyalahgunaan

Antara penyalahgunaan bendera negara, kain rentang dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan negara seperti:

Kain rentang dipamerkan dengan tidak sempurna.

Surat khabar yang mengandungi potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat diraja hendaklah dihormati.

Baru-baru ini, Unit Kenegaraan telah menerima aduan daripada orang ramai melalui media sosial mengenai sebuah gedung perniagaan yang menjadikan akhbar Pelita Brunei dan surat khabar lain yang mana isi kandungannya antara lain menyiarkan gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat-kerabat diraja dijadikan

pembungkus barangan. Syarikat berkenaan telah diarahkan untuk segera mengumpul dan menghapuskannya dengan membakar dan abunya ditanam ke dalam tanah.

### Hukuman Denda

Kesalahan penyalahgunaan kain rentang, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan negara seperti yang dinyatakan tadi adalah satu kesalahan di bawah Bahagian III Seksyen 19 dari Penggal 30, Akta Kesalahan-kesalahan Kecil yang membawa hukuman denda sebanyak BND500.

### Seruan

Orang ramai diseru untuk mematuhi tata cara mengibarkan bendera negara, kain rentang dalam keadaan yang baik dan sempurna serta menurunkannya pada waktu-waktu yang ditetapkan.

Begitu juga potret-potret rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri hendaklah dipamerkan dengan betul.

Bagi gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat-kerabat diraja yang disiarkan di dalam surat-surat khabar supaya jangan disalahguna seperti menjadikannya sebagai pembungkus barangan atau pelapik tangga dan sebagainya.



*DIADAPATI surat khabar yang mengandungi potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja digunakan sebagai pelapik tangga.*





# جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

**DAPATKAN SEKARANG!**

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

### HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

### HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

### HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

### BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50

### BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00



KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016

Harga \$3.50



BRUNEI-MUARA DISTRICT

Harga \$4.00



BELAIT DISTRICT

Harga \$3.50



TUTONG DISTRICT



TEMBURONG DISTRICT

### Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis  
8.00 Pagi – 12.00 T/hari  
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu  
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

### IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

### CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

### CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

### CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn